A

PP lwn. KLONG K'DJOANH & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
TENGKU MAIMUN TUAN MAT HMR
ZAKARIA SAM HMR

B

[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-370-12-2014 & B-05-371-12-2014]
20 APRIL 2016

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Dadah jenis methamphetamine seberat 2,249g dijumpai tersorok dalam beg yang dibawa tertuduh – Pindaan pertuduhan – Hakim bicara meminda pertuduhan terhadap tertuduh dari kesalahan pengedaran di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') ke kesalahan milikan di bawah s. 12(2) ADB – Sama ada tertuduh 'innocent carrier' yang tidak mengetahui kehadiran dadah dalam beg – Prinsip 'wilful blindness' – Sama ada terdapat faktor-faktor yang*

D

menimbulkan keraguan dan syak kepada tertuduh – Sama ada tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan terhadap dadah berbahaya – Sama ada s. 37(d) ADB terpakai – Sama ada niat tertuduh untuk melindungi dadah dari pihak berkuasa wujud – Sama ada hakim bicara khilaf apabila meminda pertuduhan – Sama ada sabitan dan hukuman di bawah s. 12(2) harus diketepikan

E

dan digantikan dengan sabitan di bawah s. 39B(1) ADB

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan – Pindaan – Dadah berbahaya – Hakim bicara meminda pertuduhan terhadap tertuduh dari kesalahan pengedaran di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') ke kesalahan milikan di bawah s. 12(2) – Dadah jenis methamphetamine seberat 2,249g dijumpai tersorok dalam*

F

beg yang dibawa tertuduh – Sama ada tertuduh 'innocent carrier' yang tidak mengetahui kehadiran dadah dalam beg – Prinsip 'wilful blindness' – Sama ada terdapat faktor-faktor yang menimbulkan keraguan dan syak kepada tertuduh – Sama ada tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan terhadap dadah berbahaya – Sama ada s. 37(d) ADB terpakai – Sama ada niat tertuduh untuk

G

melindungi dadah dari pihak berkuasa wujud – Sama ada hakim bicara khilaf apabila meminda pertuduhan – Sama ada sabitan dan hukuman di bawah s. 12(2) ADB harus diketepikan dan digantikan dengan sabitan di bawah s. 39B(1) ADB

Tertuduh dipertuduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Pada 21 Mei 2012,

H

tertuduh yang baru tiba dengan pesawat dari Chennai, India ditahan oleh SP4 di Lapangan Terbang ('LCCT'). Tertuduh dilihat membawa sebuah beg beroda ('P24') didapati mempunyai imej yang mencurigakan apabila diimbas. Hasil pemeriksaan mendapati dadah berbahaya disorok di bahagian bawah pelapik P24 yang disahkan oleh ahli kimia sebagai methamphetamine

I

seberat 2,249g. Hakim bicara memutuskan tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan terhadap P24 dan dadah di dalamnya. Dalam pembelaannya, tertuduh menyatakan bahawa seorang lelaki bernama Brave meminta

pertolongannya untuk mengambil pakaian-pakaian daripada adik Brave yang berada di India. Menurut tertuduh, Brave menyediakan tiket penerbangan, tempahan hotel dan wang saku untuk kegunaan harian tertuduh di India. Tertuduh telah ke India pada 15 Mei 2012 dan dua hari sebelum kembali ke Kuala Lumpur, dia telah menginap di rumah adik Brave. Sebelum tertuduh bertolak ke Kuala Lumpur, adik Brave memberikannya sebuah beg iaitu P24 dan mengarahkan tertuduh supaya membawa balik pakaian-pakaian untuk Brave di dalam beg tersebut. Menurut tertuduh dia tidak memeriksa P24 dan tugas menyusun pakaian di dalam P24 dibuat oleh adik Brave. Setibanya di LCCT, dia ditahan dan ditangkap oleh pihak kastam. Hakim bicara memutuskan pihak pembelaan berjaya membangkitkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan di bawah s. 39B(1)(a) ADB. Bagaimanapun, hakim bicara memutuskan bahawa suatu kesalahan yang melampaui keraguan munasabah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh untuk kesalahan memiliki dadah methamphetamine. Lantas, tertuduh disabitkan di bawah s. 12(2) dan dihukum di bawah s. 39A(2) ADB di mana tertuduh dijatuhkan hukuman 18 tahun penjara. Terdapat dua rayuan di sini iaitu (i) rayuan oleh pendakwa raya terhadap keputusan hakim bicara meminda pertuduhan terhadap tertuduh; dan (ii) rayuan oleh tertuduh terhadap sabitan dan hukumannya di bawah s. 12(2) ADB. Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada hakim bicara khilaf apabila meminda pertuduhan kepada kesalahan pemilikan berdasarkan pemilikan pasif; dan (ii) sama ada pembelaan 'innocent carrier' terpakai kepada tertuduh.

Diputuskan (membenarkan rayuan pendakwa raya; menolak rayuan tertuduh)

Oleh Zakaria Sam HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Terdapat keterangan mencukupi yang menunjukkan tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan terhadap P24 dan dadah di dalamnya iaitu (i) tertuduh dilihat membawa P24 yang mengandungi dadah; (ii) tertuduh bersendirian ketika ditahan oleh SP4; dan (iii) tertuduh tidak pernah menafikan P24 dan pakaian di dalam P24 miliknya. Seksyen 37(d) ADB adalah terpakai terhadap tertuduh. Seterusnya, dadah yang dijumpai di dalam P24 telah disimpan dalam keadaan tersembunyi di bawah pelapik P24. SP4 menyatakan bahawa dia perlu membuat tebukan di bahagian tengah sebelum serbuk kristal putih keluar dari bahagian bawah pelapik beg tersebut dan perlu menggunakan skru untuk membuka bahagian tersebut. Ini menunjukkan niat tertuduh untuk melindungi dadah tersebut daripada mata pihak berkuasa. (perenggan 19-21)

(2) Tertuduh mendakwa P24 adalah milik adik Brave yang diberikan kepadanya untuk mengisi pakaiannya dan pakaian yang akan diberikan kepada Brave di Malaysia. Tertuduh menghujahkan bahawa dia tidak

A tahu akan kehadiran dadah yang disembunyikan dalam P24. Jelas di sini, pembelaan tertuduh adalah dia seorang 'innocent carrier'. Adalah prinsip undang-undang bahawa pembelaan innocent carrier perlu diambil kira dengan prinsip 'wilful blindness'. Tertuduh bermalam di rumah adik Brave dan mempunyai peluang dan waktu yang sangat B panjang untuk memeriksa keadaan P24. Adalah tidak munasabah untuk tertuduh membiarkan adik Brave mengemaskan P24 tanpa memeriksa P24 yang merupakan satu-satunya beg yang perlu dibawa ke Malaysia. SP4 mengesahkan bahawa keadaan P24 nampak jelas telah diubah suai dan keadaan dasar P24 adalah mengelembung yang boleh menimbulkan C syak kepada tertuduh untuk memeriksa beg tersebut. Hakim bicara gagal mengambil kira fakta-fakta yang menunjukkan tertuduh telah terang-terangan menutup matanya kepada fakta yang nyata. (perenggan 26-30)

(3) Alasan tertuduh ke India untuk mengambil beberapa helai pakaian bagi pihak Brave adalah tidak munasabah. Adakah perlu Brave menyediakan D perbelanjaan yang besar menyediakan tiket penerbangan pergi balik Malaysia/Chennai, penginapan di hotel dan wang saku untuk tertuduh hanya untuk mengambil tiga helai sari untuk Brave. Bukankah jauh lebih murah pakaian yang hanya beberapa helai itu dihantar ke Malaysia melalui kurier. Sekiranya benar tertuduh seorang yang 'innocent E carrier', faktor-faktor ini sudah pasti boleh menimbulkan keraguan dan syak kepada tertuduh. (perenggan 31 & 32)

(4) Di bawah s. 39B(1) ADB, apa yang perlu dibuktikan ialah milikan dan kawalan dengan pengetahuan dan bukannya kepunyaan (ownership). Walaupun diandaikan bahawa dadah tersebut kepunyaan Brave, F tertuduh dengan penuh pengetahuan membawanya ke Malaysia dari India. Itu sudah cukup untuk memenuhi kehendak s. 39B(1) ADB. Isu sama ada Brave atau adik Brave adalah pemilik P24, tidak relevan sama sekali bagi pertuduhan di bawah s. 39B(1) ADB. Bukanlah beban atas pendakwaan untuk menyiasat versi tertuduh mengenai Brave yang dikatakan pengedar sebenar kerana seorang pengedar masih memerlukan G jaringan seperti tertuduh untuk menjalankan tugas pengedaran bagi pihaknya. Di sini, pendakwaan berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan terhadap dadah yang dirampas. (perenggan 33-35)

H **(5)** Hakim bicara telah khilaf apabila meminda pertuduhan terhadap tertuduh kepada s. 12(2) ADB. Dengan itu, sabitan dan hukuman oleh hakim bicara di bawah s. 12(2) atau 39A(2) ADB diketepikan dan digantikan dengan suatu sabitan di bawah s. 39B(1) dan tertuduh dihukum gantung sampai mati. Dengan itu, rayuan tertuduh sudah menjadi akademik. (perenggan 39 & 40)

I

***English** Headnotes*

The accused was charged with the offence of trafficking in dangerous drugs under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). On 21 May 2012, the accused had just arrived from Chennai, India when he was detained by SP4 at the airport ('LCCT'). The accused was seen carrying a wheeled bag ('P24') that showed suspicious images upon being scanned. The results showed that dangerous drugs were hidden at the bottom part of P24 that was confirmed by the chemist to be 2,249g of methamphetamine. The trial judge held that the accused had control and possession of P24 and the drugs contained in it. In his defence, the accused submitted that a man by the name of Brave had asked for his help to collect some clothes from Brave's brother in India. According to the accused, Brave had provided him with the flight ticket, hotel reservations and allowances for his daily use in India. The accused left for India on 15 May 2012 and two days before he was supposed to return to Kuala Lumpur, he stayed at the house of Brave's brother. Before departing to Kuala Lumpur, Brave's brother had given him P24 and instructed him to bring back the clothes for Brave in P24. According to the accused, he had not examined P24 and it was Brave's brother who had arranged the clothes in P24. When the accused arrived at LCCT, he was detained and arrested by customs. The trial judge held that the defence had succeeded in raising a reasonable doubt against the prosecution's case under s. 39B(1)(a) of the DDA. However, the trial judge held that the prosecution had proved beyond a reasonable doubt that the accused was in wrongful possession of methamphetamine drugs. The accused was thus convicted for the offence of possession of drugs under s. 12(2) and punishable under s. 39A(2) of the DDA where the accused was sentenced to 18 months imprisonment. Two appeals arose herein (i) the appeal by the prosecution against the trial judge in amending the charge against the accused; and (ii) the appeal by the accused against the conviction and sentence under s. 12(2) of the DDA. The issues that arose were (i) whether the trial judge erred when he amended the charge to one of possession based on passive possession; and (ii) whether the defence of innocent carrier was applicable to the accused.

Held (allowing prosecution's appeal; dismissing accused's appeal)
Per Zakaria Sam JCA delivering the judgment of the court:

(1) There was sufficient evidence that showed the accused had control and possession of P24 and the drugs contained in it which were (i) the accused was seen carrying P24 that contained the drugs; (ii) the accused had been alone when he was detained by SP4; and (iii) the accused had never denied that P24 and the clothes in P24 belonged to him. Section 37(d) of the DDA was applicable to the accused. Further, the drugs found in P24 were kept hidden under the

liner of P24. SP4 submitted that he had to cut open the middle part of P24 before white crystal powder came out from under P24's liner and a screw had to be used to pry open the said part. This showed that the intention of the accused was to conceal the drugs from the authorities.

(2) The accused claimed that P24 belonged to Brave's brother that was given to him to pack his own clothes and the clothes that he was supposed to bring back to Malaysia for Brave. The accused submitted that he did not have any knowledge of the presence of the drugs hidden in P24. Clearly, the accused's defence was that he was an innocent carrier. It is the principle of the law that the defence of innocent carrier should be taken into account with the principle of wilful blindness. The accused had stayed at Brave's brother's house and had all the time and opportunity to examine the condition of P24. It was unreasonable for the accused to allow Brave's brother to sort out P24 without examining P24 himself, which was the only bag he was bringing with him to Malaysia. SP4 confirmed that the condition of P24 had obviously been modified and that the base of P24 had ballooned, which could arouse suspicions on the part of the accused to make him examine P24. The trial judge failed to consider the facts that showed the accused had deliberately shut his eyes to the obvious.

(3) The reason the accused had given for his trip to India which was to collect clothes on Brave's behalf was found to be not plausible. Why would Brave need to arrange for costly expenditures in providing for the return flight tickets from Malaysia to Chennai, accommodation in hotels and allowances for the accused only to collect three pieces of sarees for Brave. It would be far cheaper for the clothes to be delivered to Malaysia *via* courier. If it was true that the accused was an innocent carrier, these facts would raise doubts and suspicions on the accused.

(4) Under s. 39B(1) of the DDA, what needs to be proved was possession and control as well as knowledge and not ownership. Although presumably the drugs belonged to Brave, the accused had with full knowledge brought it to Malaysia from India. That was sufficient to fulfil the requirements of s. 39B(1) of the DDA. The issue as to whether Brave or Brave's brother was the owner of P24 was irrelevant for the charge under s. 39B(1) of the DDA. The burden was not on the prosecution to investigate the accused's version regarding Brave who was alleged to be the true trafficker because a trafficker still needs a network such as the accused to carry out trafficking activities on his behalf. Herein, the prosecution succeeded in proving that the accused had control, possession and knowledge of the drugs that were seized.

(5) The trial judge erred when he amended the charge against the accused to a charge under s. 12 of the DDA. Therefore, the conviction and sentence under ss. 12(2) or 39A(2) of the DDA was set aside and replaced with a conviction under s. 39B(1) of the DDA and the accused was sentenced to death by hanging. With that, the appeal by the accused was rendered academic.

Kes-kes yang dirujuk:
Hoh Bon Tong v. PP [2010] 5 CLJ 240 CA ***(dirujuk)***
PP v. Hla Win [1995] 2 SLR 424 ***(dirujuk)***
Soorya Kumar Narayanan & Anor v. PP [2011] 4 CLJ 261 CA ***(dirujuk)***
Teh Hock Leong v. PP [2010] 1 MLJ 741 ***(dirujuk)***
Wjchai Onprom v. PP [2006] 3 CLJ 724 CA ***(dirujuk)***
Zulfikar Musaffah v. PP [2001] 1 SLR 633 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 12(2), 37(d), 39A(2), 39B(1)(a), First Sch
Evidence Act 1950, s. 106

Bagi pihak pendakwaan - Nahra Dollah; TPR
Bagi pihak tertuduh - Mohd Hisham Mohd Nazir; T/n Hisham Nazir & Co

[Nota pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45A-235-10-2012 (ditolak sebahagian).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Zakaria Sam HMR:

Pengenalan

[1] Terdapat dua rayuan di hadapan kami:

(i) rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap keputusan hakim bicara meminda pertuduhan terhadap tertuduh dari kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) kepada kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB); dan

(ii) rayuan oleh tertuduh terhadap sabitan di bawah s. 12(2) dan hukuman penjara 18 tahun dari tarikh tangkap.

[2] Memandangkan terdapat dua rayuan di sini, untuk memudahkan rujukan, Klong K' Djoanh akan dirujuk sebagai tertuduh dan Pendakwa Raya akan dirujuk kepada pihak pendakwaan.

Pertuduhan

Bahawa kamu pada 21 Mei 2012, lebih kurang jam 2.00 pagi, bertempat di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2 (CPP2), di Balai ketibaan Antarabangsa, Terminal LCCT, di dalam daerah Sepang, dalam Negeri

A Selangor Darul Ehsan, telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 2249 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

B **Kes Pendakwaan**

[3] Pada 21 Mei 2012 jam lebih kurang 2 pagi, tertuduh yang baru tiba dengan pesawat dari Chennai, India telah ditahan oleh Pegawai Kastam Amir Zakwan bin Mohd Kassim (SP4) di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2, Balai Ketibaan Antarabangsa, Terminal Tambang Murah Lapangan Terbang
C Antarabangsa Kuala Lumpur (LCCT).

[4] Tertuduh dilihat membawa sebuah beg beroda (P24) dan sebuah beg tangan (P26). Tertuduh telah mengimbas beg P24 yang dibawanya. Hasil imbasan ke atas beg tersebut, SP4 mendapati ada imej yang mencurigakan di skrin mesin pengimbas. Isi kandungan beg beroda itu telah dikeluarkan dan
D beg tersebut sekali lagi diimbas setelah dikosongkan. Hasil imbasan kedua masih menunjukkan imej yang mencurigakan. Tertuduh kemudiannya dibawa ke Pejabat Cawangan Pemeriksaan Penumpang 2 untuk pemeriksaan rapi. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat dadah berbahaya disorokkan di bahagian bawah pelapik beg tersebut.

E **[5]** Bahan tersebut yang telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa, telah disahkan oleh Ahli Kimia Norhaya bt Jaafar (SP3), sebagai dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 2,249g. Methamphetamine disenaraikan di bawah Jadual Pertama ADB.

F **Dapatan Di Akhir Kes Pendakwaan**

[6] Hakim bicara memutuskan tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan terhadap beg P24 dan dadah di dalamnya. Keterangan SP4 menunjukkan dadah disembunyikan dengan rapi di bawah pelapik beg dan juga pemasangan bahagian tepi dalam beg kelihatan seperti telah diubah suai. Bahagian tengah
G beg mempunyai ruang yang kembong luar biasa dari beg biasa menunjukkan dadah ada disorokkan di dalam beg untuk menunjukkan pengetahuan tertuduh.

[7] Untuk pengedaran pula, hakim bicara menggunakan peruntukan di bawah s. 2 ADB di mana dadah dibawa masuk ke Malaysia dari Chennai,
H India.

[8] Tertuduh dipanggil membela diri.

Kes Pembelaan

I **[9]** Dalam keterangan bersumpahnya, tertuduh mengatakan sebelum datang ke Malaysia, dia telah mengenali seorang lelaki yang bernama Mr Brave (Brave) di Internet. Brave juga mengenali rakan tertuduh dari

Vietnam bernama Miss Crang. Sekitar 16 Mei 2012, tertuduh bercadang untuk melancong ke Malaysia di samping ingin berjumpa dengan Brave. Setiba di Malaysia, dia menginap di Hotel First Inn di Subang Jaya. Semasa di Malaysia, dia telah bertemu dengan Brave, seorang lelaki Afrika. Setelah dua hari berada di Malaysia, Brave meminta pertolongannya untuk mengambil pakaian-pakaian daripada adik Brave yang berada di India, memandangkan Brave terlalu sibuk untuk ke India. Rakannya di Vietnam, Miss Crang juga ada menelefonnya memaklumkannya untuk pergi ke India. Di atas sebab itu, dia tidak mengesyaki apa-apa dan bersetuju.

[10] Brave telah menyediakan tiket penerbangan, tempahan hotel dan wang saku untuk kegunaan harian tertuduh di India. Dia telah ke India pada 16 Mei 2012. Semasa di India, dia menginap di Hotel Astoria, New Delhi. Kemudiannya di atas pelawaan adik Brave, dia telah menginap di rumah adik Brave. Dia tinggal di sana selama dua hari.

[11] Di hari terakhir, sebelum bertolak ke Kuala Lumpur, adik Brave telah memberikannya sebuah beg baru iaitu P24 dan mengarahkan tertuduh supaya memindahkan barangan peribadinya dari beg yang tertuduh bawa dari Kuala Lumpur, bersama dengan pakaian-pakaian yang akan dibawa balik untuk Brave ke dalam P24. Alasan penukaran beg adalah kerana beg tertuduh terlalu kecil untuk menampung kesemua pakaian yang hendak dibawa. Menurut tertuduh dia tidak memeriksa bagasi P24 dan tugas menyusun pakaian di dalam beg itu dibuat oleh adik Brave.

[12] Dia meninggalkan India pada 21 Mei 2012. Setibanya di KLIA, dia menjangkakan Brave akan menjemputnya. Bagaimanapun dia telah ditahan dan ditangkap oleh pihak Kastam.

Dapatan Di Akhir Kes Pembelaan

[13] Hakim bicara memutuskan pihak pembelaan telah berjaya membangkitkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan di bawah s. 39B(1)(a) ADB. Bagaimanapun hakim bicara memutuskan bahawa suatu kesalahan yang melampaui keraguan yang munasabah telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh untuk kesalahan memiliki dadah methamphetamine seberat 2,249g. Lantas tertuduh disabitkan di atas kesalahan memiliki dadah di bawah s. 12(2) dan dihukum di bawah s. 39A(2) di mana tertuduh telah dijatuhkan hukuman 18 tahun penjara bermula dari tarikh tangkap.

Rayuan

[14] Di dalam rayuannya, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana telah membangkitkan dua isu iaitu:

(i) hakim bicara telah khilaf apabila meminda pertuduhan di akhir kes pendakwaan kepada kesalahan pemilikan berdasarkan pemilikan pasif; dan

A (ii) sama ada pembelaan 'innocent carrier' terpakai kepada tertuduh.

[15] Alasan mengapa hakim bicara memanggil tertuduh membela diri di bawah s. 39B(1) ADB adalah seperti berikut (di ms. 10-13 RR1):

> Melalui keterangan yang ditampilkan melalui saksi-saksi SP4, SP5, SP6 dan SP7, SP4 dengan jelas menyatakan bahawa hanya tertuduh seorang sahaja yang ditahan bersama beg bagasinya, P24. Semasa ditahan, tertuduh berada bersendirian dan keseorangan. Semasa bagasi P24 diperiksa oleh SP4, beliau telah menjumpai dadah berada di bahagian pelapik bagasi tersebut. Setelah pelapik tersebut dibuka, dadah tersebut dijumpai disorok dengan teliti dan cermat di bawah pelapik bagasi P24 tersebut. Melalui keterangan yang ditampilkan itu, jelas menunjukan yang tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan terhadap bagasi P24 dan isi kandungannya. Tertuduh mempunyai milikan terhadap dadah-dadah tersebut yang terkandung di dalam bagasi P24 yang dibawa olehnya. Jelaslah elemen kawalan dan jagaan terhadap dadah tersebut berjaya dibuktikan. Adalah juga jelas yang semasa ditahan, tertuduh sememangnya mempunyai milikan ke atas dadah tersebut dan bersedia untuk berurusan dengannya.
>
> Keterangan menunjukkan bahawa keadaan dadah yang disimpan dengan selamat dan rapi itu juga menunjukkan bahawa tertuduh tahu di dalamnya ada terdapat dadah berbahaya. Cara penyimpanan yang begitu rapi itu jelas memperlihatkan bahawa barang itu adalah barang yang terlarang dan kandungannya perlu disorok bagi mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa.
>
> Selain itu, SP4 menyatakan bahawa beliau terpaksa membuka skru di sekeliling pelapik bagasi tersebut bagi membuka ruang di bahagian pelapik bagasi tersebut. Keterangan beliau ini turut disokong oleh SP6 yang turut menyatakan skru perlu dibuka. SP4 turut memberikan keterangan bahawa sebelum SP4 membuat tebukan ke atas bagasi tersebut, pemasangan bahagian tepi beg adalah tidak kemas dan seperti telah diubah suai di tepi bagasi. SP4 turut mendapati bahagian tengah bagasi mempunyai ruangan yang kembung luar biasa dari beg biasa. SP6 juga menyatakan keadaan bagasi adalah agak mengelembung. Ini menunjukkan bahawa tertuduh tahu barang yang berada di dalam bagasinya adalah dadah, oleh sebab itulah perlu disorok dengan cara yang sedemikian rupa.
>
> Tindakan serta perlakuan tertuduh semasa kejadian jelas menunjukkan bahawa tertuduh bukan sahaja berada di dalam milikannya dadah-dadah tersebut, malahan berlakunya perbuatan mengedar sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mentakrifkan maksud pengedaran. Walaupun 'milikan' tidak termasuk di bawah definasi mengedar, perbuatan tertuduh yang mengangkut dan membawa dadah dari satu tempat ke tempat yang lain itu, ia adalah terjumlah kepada perbuatan mengedar. Berdasarkan kepada keterangan bahawa terdapatnya:
>
> (a) Dadah disembunyikan – keadaan di mana ia disorok dengan rapi di bawah pelapik bagasi.

(b) Mengangkut dan mengimport - membawa masuk dari negara luar dadah berbahaya ke dalam Malaysia. Di dalam kes ini tertuduh telah menaiki pesawat Air Asia dari Chennai ke Kuala Lumpur, yang mana dadah tersebut sentiasa berada bersamanya dengan tujuan untuk diedarkan di negara ini. Kemasukan tertuduh ke Malaysia disahkan oleh Jabatan Imigresen melalui laporannya (P75)

(c) Membawa - tertuduh telah membawa dadah tersebut apabila dadah tersebut telah disorokkan di bawah pelapik bagasi.

Kesemua perbuatan tertuduh yang telah dilakukan secara rapi dan terancang itu terjumlah kepada perbuatan pengedaran secara langsung sebagaimana yang didefinisikan di bawah seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya, 1952.

Tindak tanduk tertuduh bukan sahaja setakat membawa, menyorok atau menyimpan dadah berbahaya, ia juga memperlihatkan yang tertuduh bertujuan mengedar dadah tersebut ...

[16] Bagaimanapun hakim bicara telah memberikan alasan berikut ketika meminda pertuduhan asal kepada s. 12(2) ADB (di ms. 18-25 RR1):

Memang tidak dinafikan bahawa pada masa yang material, pihak tertuduh ada di dalam milikannya beg bagasi P24 yang di dalamnya SP4 telah menjumpai dadah dari jenis Methamphetamine ...

Perbuatan membawa sahaja tidak mencukupi. Paling lebih pun, ia akan terjumlah kepada suatu milikan pasif sahaja. Di dalam konteks ini, untuk mengatakan suatu kesalahan pengedaran dadah tersebut dilakukan oleh tertuduh dari satu tempat ke satu tempat yang lain, ia perlu dibuktikan sebagai untuk diedarkan dalam ertikata untuk promosi suatu pengedaran dadah kepada seorang yang lain (lihat kes *Koh Chai Cheng v. Public Prosecutor* (1981) 1 MLJ 64).

Dari awal keterangannya, tertuduh menyatakan bahawa rakannya yang dikenali melalui internet, Mr. Brave telah meminta pertolongannya untuk pergi ke India bagi mengambil pakaian-pakaian. Mr. Brave tidak dapat pergi kerana terlalu sibuk. Tertuduh telah diyakinkan oleh rakan senegaranya, Miss Trang yang menelefonnya dari Vietnam untuk meyakinkan keikhlasan Mr. Brave. Di atas sebab itu, dia tidak mengesyaki apa-apa. Lantas pemergiannya ke India itu adalah di atas dasar kepercayaannya yang sepenuhnya terhadap rakannya Miss Trang dan juga kenalannya, Mr. Brave.

Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menghujahkan bahawa pembelaan yang sebegini sebagai menutup mata atau tidak mempedulikan perkara yang sangat jelas, iaitu bagasi yang dibawanya mengandungi dadah. Maka tertuduh dikatakan hendaklah tahu mengenai dadah yang dibawanya.

Peguam bela tertuduh pula berhujah bahawa petualang sebenar di dalam kes ini ialah 'Brave'. Brave merupakan perancang utama yang telah mengambil kesempatan terhadap tertuduh yang masih muda, untuk dijadikan sebagai keldai dadah yang akhirnya dipergunakan untuk

membawa bagasi P24 yang mengandungi dadah. Dihujahkan yang tertuduh telah ditipu untuk membawa bagasi P24 yang mengandungi dadah tersorok di dalam secret compartment yang dibawa dari India.

... Dari rentetan peristiwa yang dihuraikan, saya mendapati yang hanya kawalan dan jagaan terhadap bagasi P24 yang mengandungi bahan dadah Methamphetamine sahaja yang berjaya dibuktikan oleh pihak Pendakwa Raya. Lantas anggapan pemilikan di bawah seksyen 37(d) Akta terpakai. Untuk mengaitkan tertuduh sebagai mempunyai pengetahuan, tiada keterangan ditampilkan untuk menunjukkan wujudnya sebarang 'overt act' di pihak tertuduh. Malah SP6 selaku pegawai penyiasat menyatakan yang tertuduh dilihat bersahaja tanpa menunjukkan sifat takut atau panik. Malah tertuduh telah dikatakan memberikan kerjasama di sepanjang tahanan tersebut.

...

Inferen yang boleh dibuat ialah tiadanya pengetahuan di pihak tertuduh akan dadah yang tersembunyi di dalam P24 tersebut. Nama Brave telah dinyatakan oleh tertuduh seawal perakaman percakapan amarannya dilakukan (D74) iaitu selepas tangkapan ke atasnya dilakukan. Ini diulangi olehnya di dalam keterangan pembelaannya. Kedua-dua keterangan di Mahkamah dan D74 tentang Brave itu adalah begitu konsisten. Ini bukan timbul secara tiba-tiba sewaktu kes pembelaan. Melalui D74 itu dapat dilihat akan ketiadaan pengetahuan oleh tertuduh terhadap dadah-dadah yang dijumpai secara tersorok di dalam bagasi P24. Kenyataannya itu lebih merujuk kepada Brave sebagai petualang yang sebenar. Namun pihak pegawai Penyiasat telah gagal menjalankan siasatan terhadap apa yang dinyatakan oleh tertuduh itu seawal mungkin.

Dari fakta dan keterangan yang telah ditampilkan itu, apa yang jelas dan nyata ialah tertuduh hanyalah mempunyai milikan yang pasif sahaja terhadap dadah-dadah tersebut. Tiada wujud keterangan untuk mengatakan yang dadah-dadah tersebut dibawa untuk diserah atau diedarkan kepada orang lain. Tertuduh terlalu percayakan Brave. Ini ditambah lagi selepas dia diyakini oleh temannya Miss Trang. Ini jelas dapat dilihat melalui perlakuannya yang menerima tanpa was-was arahan serta permintaan Brave untuk dia ke India.

Kebergantungan kes pembelaan selain dari keterangan secara bersumpah oleh tertuduh, juga adalah terhadap kandungan D74 ...

Setelah diputuskan yang Mr. Brave itu adalah satu karektor yang sebenar dan bukan rekaan, maka pertuduhan mengedar dadah yang dipertuduhkan terhadap tertuduh, tidak berjaya dikekalkan (*Mohamad Radhi v. PP* (1991) 3 CLJ 2073). Di dalam kes *Mohamad Radhi* (*supra*), diputuskan orang yang dituduh mengedar dadah berhak dibebaskan jika dia dapat membuktikan yang dia hanya memiliki dadah-dadah tersebut dan pengedar sebenar adalah orang lain. Setelah diputuskan yang Mr. Brave itu sebagai benar wujud melalui keterangan yang ditampilkan itu, pengedar sebenar di dalam kes ini adalah penama yang bernama Mr. Brave tersebut.

Namun, penyiasatan oleh Pegawai Penyiasat SP6 jelas tidak begitu menyeluruh. Walaupun disiasat nombor telefon yang diberikan oleh tertuduh dengan pihak DIGI dan MAXIS yang mana nombor 016-2589218 dikaitkan dengan seorang berbangsa Cina bernama Chan Cheng Fatt, namun penyiasatan selanjutnya untuk menghubungkan nama ini dengan Mr. Brave, seorang lelaki Afrika telah tidak dijalankan. Kegagalan menyiasat lanjut menjadikan kes ini tergantung begitu sahaja dan kebenaran tidak dapat diserlahkan. (lihat kes *Chan King Yu v. PP* [2009] 1 CLJ 601.

...

Di dalam kes ini, dari fakta seperti yang dinyatakan di atas tentang cara mana dan bagaimana dadah-dadah tersebut disembunyikan tersorok di dalam pelapik bagasi P24 yang dibawa oleh tertuduh, ia telah berjaya dipatahkan melalui keterangan oleh tertuduh sendiri yang menyatakan bahawa apa yang dilakukan olehnya adalah semata-mata di atas kepercayaan serta yakinnya menurut perintah Brave setelah diyakinkan oleh Miss Trang. Lantas ianya telah berjaya dipatahkan oleh tertuduh di atas prinsip imbangan kebarangkalian.

Pembelaan tertuduh ini tidak berpaksikan kepada penafian dan 'afterthought'. Ini berlandaskan kepada penjelasan yang telah diberikan olehnya melalui keterangan pembelaannya. Penama Brave juga bukan merupakan watak ciptaan dan rekaan.

Keputusan Kami

[17] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh di bawah s. 39B(1) ADB di mana elemen memiliki dan pengedaran telah dibuktikan.

[18] Walau bagaimanapun, di akhir kes pembelaan, hakim bicara telah memutuskan bahawa tertuduh hanya mempunyai milikan pasif sahaja kerana tidak terdapat sebarang 'overt act' di pihak tertuduh.

[19] Kami berpuas hati bahawa terdapat keterangan yang mencukupi yang menunjukkan tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan terhadap beg P24 dan dadah di dalamnya:

(i) tertuduh dilihat membawa beg P24 yang mengandungi dadah;

(ii) tertuduh bersendirian ketika ditahan oleh SP4; dan

(iii) tertuduh tidak pernah menafikan beg dan pakaian di dalam beg itu miliknya.

[20] Seksyen 37(d) ADB adalah terpakai terhadap tertuduh. Oleh yang demikian tertuduh harus menyangkal anggapan pengetahuan ini di atas imbangan kebarangkalian.

[21] Dadah yang dijumpai di dalam beg P24 telah disimpan dalam keadaan tersembunyi rapi di bawah pelapik bagasi. SP4 menyatakan bahawa beliau perlu membuat tebukan di bahagian tengah sebelum serbuk kristal putih keluar dari bahagian bawah pelapik beg tersebut dan perlu menggunakan skru untuk membuka bahagian tersebut. Ini menunjukkan niat tertuduh untuk melindungi (concealed) dadah itu dari mata pihak berkuasa.

[22] Bagaimanapun menurut hakim bicara, keterangan ini sahaja tanpa sebarang overt act dari tertuduh tidak mencukupi untuk menunjukkan pengetahuan tertuduh akan kehadiran dadah di dalam beg tersebut.

[23] Mengenai isu overt act ini, hakim bicara telah gagal merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Wjchai Onprom v. PP* [2006] 3 CLJ 724 yang memutuskan (di ms. 733):

> ... Here the appellant was caught conveying a very large quantity of cannabis from Thailand to Malaysia. In view of the amount involved, it is safe to infer that the drug was intended for a person or persons, known or unknown. That other person or persons may, to borrow Lord Diplock's words, be 'the actual consumer or a distributor or another dealer.' So this is not a case of mere passive possession. There were overt acts done by the appellant, namely the active concealment of the drug on his person followed by its conveyance from Thailand into Malaysia which reasonably supports the existence of criminal purpose proscribed by the Act. We may add that the very same facts also give rise to a strong inference that the appellant was aware of his possession, knew the nature of the drug possessed and had the power of disposal over it. So much for the *prima facie* proof of actual trafficking.

[24] Hakim bicara juga telah gagal merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Teh Hock Leong v. PP* [2010] 1 MLJ 741 yang menyatakan (di ms. 745):

> Of course, since the drugs were so cunningly concealed, there could be no necessity to take such drastic actions which may attract instant suspicion. So against these circumstances, the appellant's docile conduct throughout the period described could not have inferred an absence of knowledge of the said drugs.

[25] Di dalam kes *Zulfikar bin Musaffah v. PP* [2001] 1 SLR 633, Mahkamah Rayuan Singapura telah memutuskan seperti berikut (di ms. 639):

> [21] ... In the course of the appeal before us, counsel for the appellant relied heavily on the fact that the contents of the bundles were securely wrapped in newspapers and could not be identified. We were accordingly invited to draw the inference that the appellant had no knowledge of the contents of the bundles.
>
> [22] We were unable to accede to this request. While the fact that the contents of the bundles were hidden from view may have been relevant in determining whether the requisite knowledge was absent, this factor

should still not be given too much weight. Otherwise, drug peddlers could escape liability simply by ensuring that any drugs coming into their possession are first securely sealed in opaque wrappings. Rather, the court must appraise the entire facts of the case to see if the accused's claim to ignorance is credible. As Yong Pung How CJ remarked in *PP v. Hla Win* [1995] 2 SLR 424 (at 438):

> In the end, the finding of the mental state of knowledge, or the rebuttal of it, is an inference to be drawn by a trial judge from all the facts and circumstances of the particular case, giving due weight to the credibility of the witnesses.

[26] Tertuduh mendakwa beg P24 adalah milik adik Brave yang diberikan kepadanya untuk mengisi pakaiannya dan pakaian yang akan diberikan kepada Brave di Malaysia. Beliau tidak tahu akan kehadiran dadah yang disembunyikan dalam beg tersebut. Jelas di sini pembelaan tertuduh adalah dia seorang innocent carrier.

[27] Adalah prinsip undang-undang bahawa pembelaan innocent carrier perlu diambil kira dengan prinsip wilful blindness yang membawa maksud 'if a person deliberately 'shut his eyes' to the obvious, because he 'doesn't' want to know', he is taken to know ... Ignorance is a defence when there is no reason for suspicious and no right and opportunity of examination, and ignorance *simpliciter* is not enough': Lihat *PP v. Hla Win* [1995] 2 SLR 424 dan *Hoh Bon Tong v. PP* [2010] 5 CLJ 240.

[28] Hakim bicara telah gagal mengambil kira fakta-fakta berikut yang menunjukkan tertuduh telah terang-terangan menutup matanya (deliberately shut his eyes to the obvious) kepada fakta yang nyata.

[29] Tertuduh bermalam di rumah adik Brave malam itu. Dia mempunyai peluang dan waktu yang sangat panjang untuk memeriksa keadaan beg tersebut. Adalah tidak munasabah untuk tertuduh membiarkan adik lelaki Brave mengemaskan beg itu tanpa dia memeriksa beg tersebut yang merupakan satu-satunya beg yang perlu dibawa ke Malaysia.

[30] SP4 mengesahkan bahawa keadaan beg P24 nampak jelas telah diubah suai tersebut dan keadaan dasar beg itu adalah mengelembung yang boleh menimbulkan syak kepada tertuduh untuk memeriksa keadaan beg tersebut.

[31] Alasan tertuduh ke India untuk mengambil beberapa helai pakaian bagi pihak Brave adalah tidak munasabah. Apa perlu Brave menyediakan perbelanjaan yang besar menyediakan tiket penerbangan pergi balik Malaysia/Chennai, penginapan di hotel dan wang saku untuk tertuduh hanya untuk mengambil tiga helai sari untuk Brave seperti yang dapat dilihat dalam gambar exh. P14 gambar 6. Bukankah jauh lebih murah pakaian yang hanya beberapa helai itu dihantar ke Malaysia melalui kurier.

[32] Sekiranya benar tertuduh seorang yang innocent carrier, faktor-faktor ini sudah pasti boleh menimbulkan keraguan dan syak kepada tertuduh. Tertuduh bukanlah seorang yang tidak berpendidikan. Beliau lepasan Lacom University di Vietnam (keterangannya di ms. 83 RR2).

[33] Di bawah s. 39B(1), apa yang perlu dibuktikan ialah milikan dan kawalan dengan pengetahuan dan bukannya kepunyaan (ownership). Walaupun diandaikan dadah itu kepunyaan Brave, tetapi tertuduh dengan penuh pengetahuan membawanya ke Malaysia dari India, itu sudah cukup untuk memenuhi kehendak s. 39B(1) ADB. Isu sama ada Brave atau adik Brave adalah pemilik beg P24, tidak relevan sama sekali bagi pertuduhan di bawah s. 39B(1) ADB.

[34] Bukanlah beban atas pendakwaan untuk menyiasat versi tertuduh mengenai Brave yang dikatakan pengedar sebenar kerana seorang pengedar masih memerlukan jaringan (networks) seperti tertuduh untuk menjalankan tugas pengedaran bagi pihaknya.

[35] Di sini pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan terhadap dadah yang dirampas.

[36] Isu yang sama telah dibincangkan dan diputuskan di dalam kes *Soorya Kumar Narayanan & Anor v. PP* [2011] 4 CLJ 261. Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

> [19] Additional to the above ground, as the appellants had cleverly submitted that Babuji's name had been implicitly mentioned at the prosecution's stage, by virtue of the police having recorded D30, they also canvassed that it was for the prosecution to call Babuji. This submission was based on the general principle that it was incumbent upon the prosecution to establish its case beyond reasonable doubt hence that duty to call him. We were unable to accede to this submission too in the circumstances of the case as the prosecution's case had already successfully established a *prima facie* case without the need to call Babuji. Notwithstanding the established general principle that it is incumbent upon the prosecution to establish its case, by no account is there any no legal requirement that demands the prosecution to patch-up any flaws in the appellants' defence. With the legal burden on the shoulders of the appellants to rebut the presumption of s. 37(d) of the Act on a balance of probability no adverse inference thus may be held against the prosecution for the non-calling of Babuji here (*Liew Slew & Anor v. PP* [1969] 1 LNS 90; *PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814). In a nutshell as the appellants had put much blame on Babuji, their failure to call him and nullify the presumption of knowledge, left the prosecution's case as regards that ingredient unscathed.

[37] Ini bertepatan dengan kehendak s. 106 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan:

> Burden of proving fact especially within knowledge
>
> 106. When any fact is especially within the knowledge of any person, the burden of proving that fact is upon him.
>
> Illustration
>
> (a) ...
>
> (b) A is charged with travelling on a railway without a ticket. The burden of proving that he had a ticket is on him.

[38] Tambahan pula tiada keterangan yang menunjukkan tertuduh telah memberitahu butir-butir diri Brave kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.

Kesimpulan

[39] Berdasarkan alasan di atas, kami sebulat suara berpendapat hakim bicara telah khilaf apabila meminda pertuduhan terhadap tertuduh kepada s. 12(2) ADB. Dengan itu sabitan dan hukuman oleh hakim bicara di bawah s. 12(2) atau 39A(2) ADB diketepikan dan digantikan dengan suatu sabitan di bawah s. 39B(1) dan tertuduh dihukum gantung sampai mati.

[40] Dengan keputusan di atas, rayuan tertuduh sudah menjadi akademik, rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukumannya ditolak.